

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA MPSP  
SEMPENA  
SAMBUTAN HARI MAJLIS 2016 & HARI TERBUKA PELAN  
TRANSFORMASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
30 JULAI 2016 (SABTU), JAM 8:45 PAGI  
IBU PEJABAT MPSP, BANDAR PERDA**

---

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon**  
Timbalan Ketua Menteri 1

**Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L Palanisamy**  
Timbalan Ketua Menteri 2

**Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis,**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Sr Haji Rozali bin Hj Mohamud**  
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan**

## **Rakan-rakan Media**

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

.....

Assalamualaikum wbth, salam sejahtera dan selamat pagi.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini untuk meraikan sambutan Hari Majlis 2016. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tetamu kehormat kita pada hari ini, terutama YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan YB Tuan Chow Kon Yeow yang turut sudi hadir walaupun padat dengan program pada hari ini. Ucapan terima kasih juga kepada para barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ADUN, Ahli Parlimen dan semua Ahli Majlis MPSP, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua Jabatan serta kakitangan MPSP yang memberi sokongan dan kerjasama ke atas segala usaha yang diberikan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Hari ini merupakan tahun yang ke 42, MPSP meraikan Hari Majlis dan merupakan tahun ke 10 MPSP berhijrah ke bangunan baru. Saya masih ingat lagi saranan YAB Ketua Menteri semasa sambutan Hari Majlis tahun lepas iaitu MPSP hendaklah meraikan Hari Majlis Ke-50 dengan bertukar ke Majlis Bandaraya Seberang Perai.

YAB, pelbagai usaha telah dijalankan & akan dijalankan sebagai persiapan ke arah status bandaraya menjelang tahun 2024 melalui persiapan hardware dan software oleh MPSP. Seajar dengan bandar-bandar yang hebat di dunia. Oleh itu, MPSP telah menjalinkan persahabatan dengan bandar-bandar utama melalui proses pengantarabangsaan untuk berkongsi *Best Practise* bandar-bandar ini.

Dimaklumkan pada hari ini, MPSP akan melancarkan:

## **1. BUKU *REMINISCENCE***

Bermula penubuhan Jabatan Perhubungan Korporat dan Antarabangsa pada 2013 pelbagai kejayaan telah dicapai diantaranya ialah menandatangani *Memorandum Of Friendship City dengan Gwangju Metropolitan City (Korea), Seoul Metropolitan City (Korea) dan Yokohama*

*City Council, Japan*. Kejayaan ini telah membawa MPSP ke peringkat antarabangsa. *Yokohama City, Yokohama City University, Japan International Cooperation Agency (JICA)* dan Universiti Sains Malaysia telah bekerjasama untuk membuat kajian reka bentuk bandar Bukit Mertajam dengan konsep (*urban design*). Selain itu, pelbagai anugerah telah diterima oleh MPSP yang membawa gelaran '*Best City*' dan '*Best City Manager*' yang dianugerahkan oleh *Europe Business Assembly (EBA)*. Kejayaan ini seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan Pulau Pinang dan Seberang Perai bertaraf antarabangsa. Segala usaha dan kerjasama pelbagai pihak dalam meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP, maka buku ini digarap dengan harapan dapat menceritakan dan mempromosikan Seberang Perai ke peringkat antarabangsa.

## **2. PELAN TRANSFORMASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Hari Terbuka Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan adalah bertujuan untuk menguar-uarkan kepada penduduk setempat tentang satu gerak kerja strategik melibatkan pengukuhan peranan organisasi PBT dan memperkasakan tanggungjawab PBT kepada rakyat supaya penyampaian perkhidmatan PBT dapat dipertingkatkan. Sempena penganjuran hari

berkenaan pameran poster Pelan Transformasi PBT akan diadakan untuk memaklumkan kepada rakyat akan pengisian pelan berkenaan. Pada masa sama PBT diminta mendapatkan maklumbalas daripada rakyat berhubung cadangan program melalui borang soal selidik yang disediakan.

Terdapat 6 Teras Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Pembangunan Modal Insan, Kecekapan Perkhidmatan, Pengukuhan Kewangan, Kesejahteraan Rakyat, Penglibatan Rakyat dan Komunikasi Berkesan.

Pembangunan Modal insan dibangunkan sebagai teras pertama menyasarkan kepada perancangan, pembangunan dan pembangunan sumber manusia yang optimum kepada semua lapisan warga kerja PBT. Kepimpinan PBT digilap supaya bersikap berani, bijaksana dan berkesan dalam membawa perubahan baharu melalui pelaksanaan dasar dan pentadbiran di kawasannya. Manakala Ahli-Ahli Majlis diperkasakan dengan meningkatkan peranan bersama warga kerja PBT yang bermotivasi dengan sistem kemajuan kerjaya yang lebih menarik. Masyarakat setempat turut dilibatkan dengan pelaksanaan program

kemasyarakatan dan menyediakan mereka sebagai masyarakat berperadaban.

Teras kedua, Kecekapan Perkhidmatan dirangka sebagai teras kedua yang memfokuskan kepada peningkatan penyampaian kualiti perkhidmatan, memperkasakan budaya tadbir urus kerja, peningkatan imej korporat, pengurusan aduan yang lebih professional dan menerajui kepimpinan bandar dengan pengukuhan sinergi agensi-agensi di bandar diberi perhatian sewajarnya.

Teras ketiga, Pengukuhan Kewangan merupakan aspek penting yang dititikberatkan dan dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu menggunakan sepenuhnya peluang dan ruang untuk mengutip punca-punca hasil sedia ada, menambahbaik pengurusan kewangan sedia ada supaya lebih cekap, berkesan dan berintegriti serta meneroka mekanisme baharu untuk menjana sumber kewangan. Kekukuhan kewangan membolehkan PBT merancang pembangunan dan menyediakan perkhidmatan terbaik serta mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Teras keempat, Kesejahteraan Rakyat dibangun untuk mensejahterakan rakyat. PBT bekerja ke arah meningkat mutu alam sekitar dengan matlamat untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan sejahtera kepada rakyat di kawasan mereka. Kerjasama pelbagai lapisan rakyat mengikut kelompok segmen dalam masyarakat berupaya menggembeling semangat kesukarelawan dan bertanggungjawab dalam kalangan semua pihak terlibat termasuk juga dalam pemeliharaan dan pemuliharaan budaya dan warisan.

Teras kelima ialah Penglibatan Rakyat di mana tumpuan diberikan sepenuhnya oleh PBT kepada rakyat untuk menyediakan perkhidmatan yang menggembirakan mereka, meningkatkan hubungan dengan bertemu dan beramah mesra, mendengar suara mereka serta mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh rakyat setempat dengan memberikan pengiktirafan atas sumbangan untuk kebaikan bersama.

Teras keenam, ialah Komunikasi Berkesan dimana teras ini memperkemaskan mekanisme komunikasi dalaman warga kerja PBT dengan penggunaan aplikasi terkini yang mudah, cepat, interaktif dan tepat kepada sasaran penerima supaya keberkesanan komunikasi dalaman

serta luaran ditingkatkan. Selain itu, PBT akan berkolaborasi dengan media luar untuk mewujudkan pelan media agar penyampaian maklumat lebih jelas, strategik dan memenuhi keperluan media dan rakyat. Pada masa yang sama, keakraban PBT bersama rakyat melalui medium interaksi yang lebih rapat akan diwujudkan.

Untuk mengetahui Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan lebih lanjut, MPSP sedang mengadakan pameran Pelan Transformasi PBT di ruang lobi.

YAB dan para hadirin sekalian,

### **3. PENYAMPAIAN PENSIJILAN ISMS**

Untuk makluman semua, ISMS atau Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat adalah bertujuan untuk melindungi maklumat daripada pelbagai ancaman dalam usaha untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan MPSP dan memaksimumkan pulangan ke atas MPSP serta meningkatkan kepuasan pelanggan dan *Stakeholders* MPSP. Maklumat wujud dalam pelbagai format, ia boleh dicetak atau ditulis dalam kertas, disimpan secara elektronik, dihantar melalui pos atau cara elektronik, ditunjukkan pada



filem, atau bercakap dalam perbualan. Pada 25 Mac 2016 MPSP telah diiktiraf layak untuk menerima persijilan ini dan kita amat berbesar hati dengan kehadiran Encik Parama Iswara Subramaniam, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan SIRIM QAS International Sdn.Bhd. untuk menyampaikan sijil pada hari ini.

Persijilan ISMS adalah merupakan persijilan kualiti yang ke-6 dan saya berpendapat MPSP masih boleh mengekalkan rekod untuk *Malaysia Book Of Record*.

#### **4. ANUGERAH INOVASI MPSP (AIMPSP)**

- AIMPSP pertama kali dianjurkan di peringkat MPSP
- Sebanyak 9 Jabatan Dalaman MPSP menyertai Edisi Pertama
- Anugerah AIMPSP ini adalah anugerah yang baru diwujudkan dan bertujuan untuk :
  - i. Menggalak dan meningkatkan kesedaran tentang inovasi di peringkat MPSP.
  - ii. Menggalakkan persaingan sihat antara Jabatan Dalaman MPSP ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

- iii. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kakitangan / Kumpulan kakitangan / Jabatan dalaman MPSP yang terlibat dalam menghasilkan inovasi - inovasi secara kreatif dengan hasil yang berinovatif.
- iv. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara kerja yang diamalkan di kalangan kakitangan MPSP.
- v. Memperkenalkan dan menyebarkan hasil - hasil inovasi yang telah dilaksanakan dan terbukti mendatangkan manfaat agar dapat dicontohi dan diamalkan.
- vi. Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Hadiah - hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut :-

Pertama    RM 1500.00

Kedua      RM 1000.00

Ketiga     RM 500.00

## **5. ANUGERAH PEKERJA CONTOH**

Anugerah pekerja contoh yang diberikan kepada kakitangan MPSP dinilai dari 1 Januari 2016 sehingga 30 Jun 2016 berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan. Kriteria-kriterianya adalah:

- i. Status Perkhidmatan - Terdiri daripada semua kakitangan tetap dan kontrak, sambilan dan sementara.
- ii. Tempoh Perkhidmatan - Sekurang-kurangnya setahun pada hari terakhir pemilihan
- iii. Tiada kelewatan dalam tempoh 6 bulan
- iv. Cuti sakit tidak melebihi enam (6) hari
- v. Penghasilan Kerja - Prestasi kerja yang cemerlang dari segi kualiti, ketepatan masa dan keberkesanan kerja
- vi. Kualiti Peribadi - Berdisiplin, kepimpinan, kerja lebih masa, kerja berpasukan, bertanggungjawab dengan tiada/sedikit penyeliaan sahaja.

Insentif dan hadiah Anugerah Pekerja Contoh adalah seperti berikut:

- i. Sijil Penghargaan Pekerja Contoh
- ii. Wang tunai sebanyak RM 100.00

Seramai 50 orang kakitangan telah dipilih untuk diberi penganugerahan Pekerja Contoh pada tahun ini. Semoga kesemua penerima anugerah ini akan meneruskan kesungguhan mereka dalam tugas seharian dan menjadi contoh kepada yang lain.

Sebagai makluman YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Pada hari ini juga, penyampaian Anugerah Kualiti seperti 5S dan Kaizen akan diadakan. Selain itu, terdapat aktiviti lain yang disediakan seperti promosi pengurangan kompaun tempat letak kenderaan, *car boot sale*, *food truck*, jualan pokok bunga dan lain-lain.

Mengambil kesempatan pada pagi ini juga, saya ingin menjemput semua yang hadir untuk ke *Butterworth Fringe Festival* anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Think City Sdn Bhd dan George Town Festival (GTF) yang akan diadakan pada 13-14 Ogos 2016 (Sabtu-Ahad) bermula 4.00 petang sehingga 11.00 malam bertempat di Jalan Jeti Lama, Butterworth berkonsepkan Festival Jalan - Terbuka Untuk Diakses oleh Orang Awam. Pelbagai acara tempatan dan antarabangsa bakal dipersembahkan selaras

untuk menjadikan Butterworth sebagai hub acara budaya kreatif dan inovatif di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi Seberang Perai khususnya dan Negeri Pulau Pinang secara amnya.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua kakitangan MPSP untuk sentiasa bekerja bersungguh-sungguh, cekap dan efisien dalam merealisasikan halatuju strategik MPSP dan membawa MPSP ke tahap antarabangsa. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, YB Tuan Chow Kon Yeow dan Kerajaan Negeri yang sentiasa memberi sokongan padu kepada MPSP dan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Tuan Setiausaha dan semua kakitangan MPSP kerana telah bekerja sebagai satu pasukan yang hebat.

Sekian, Wabillah hitaufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Terima kasih.